

Praktis Peperiksaan Akhir Tahun T4

Set 10: Soalan 9

Berikut adalah Imbangan Duga Lazat Kafe pada 31 Disember 2023:

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Alatan (kos)	14,000	
Susut nilai terkumpul alatan		1,750
Inventori pada 1 Januari 2023	19,760	
Belian	56,940	
Jualan		77,860
Pulangan belian		850
Komisen diterima		1,200
Kadar bayaran	2,020	
Promosi	730	
Angkutan belian	440	
Sewa	5,980	
Gaji	6,000	
Modal pada 1 Januari 2023		32,400
Ambilan	1,800	
Akaun belum terima	5,800	
Akaun belum bayar		4,990
Bank	5,760	
Peruntukan hutang ragu		350
Alat tulis	170	
	119,400	119,400

Maklumat tambahan:

1. Inventori pada 31 Disember 2023 bernilai RM21,335 pada harga kos dan RM21,900 pada harga pasaran.
2. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% atas baki akaun belum terima.
3. Alatan disusutnilaikan sebanyak 10% setahun atas kos.
4. Sewa prabayar RM400.
5. Belian alat tulis sebanyak RM200 telah direkodkan sebagai belian barang niaga. Inventori alat tulis pada akhir tahun ialah RM120.
6. Seorang pembekal telah memberi diskaun sebanyak RM150 semasa pembayaran dibuat. Diskaun ini tidak direkodkan langsung.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan Penyata Pendapatan bagi Lazat Kafe bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.
- (b) Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan bagi Lazat Kafe pada 31 Disember 2023.
(Tunjukkan modal kerja)